

FAKTOR-FAKTOR YANG MEMPENGARUHI PENERIMAAN E-PEMBELAJARAN DALAM KALANGAN PELAJAR DI INSTITUT

Agatha F. Umbit

Jabatan Teknologi Pendidikan
gatefran03@gmail.com

Muhamad Suhaimi Taat

Universiti Malaysia Sabah
suhaimi@ums.edu.my

Abstrak

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap penerimaan dan faktor-faktor yang mempengaruhi penerimaan e-pembelajaran dalam kalangan pelajar di sebuah institut pendidikan guru di Sarawak. Faktor-faktor yang terlibat dalam kajian ialah tanggapan kebergunaan, tanggapan mudah guna, ciri pensyarah, kualiti maklumat, kualiti sistem dan sokongan teknikal. Semua faktor yang dipilih telah diuji dalam kajian lepas dan mempunyai hubungan yang signifikan dengan penerimaan teknologi dalam kalangan pengguna. Seramai 230 orang pelajar dipilih daripada pelajar tahun akhir dan tahun 3 dalam pelbagai pengkhususan Bahasa Cina, Bahasa Inggeris, Sains, Pendidikan Pemulihan dan Permasalahan Pembelajaran Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP) yang telah mengguna e-pembelajaran terlibat sebagai responden dalam kajian ini. Instrumen kajian yang digunakan adalah terdiri daripada satu set soal selidik yang mengandungi 49 item soalan dan menggunakan skala Likert. Dapatan kajian dianalisis menggunakan statistik deskriptif yang merangkumi taburan frekuensi, min, dan sisihan piawai. Hasil kajian menunjukkan bahawa faktor tanggapan kebergunaan, faktor tanggapan mudah guna, faktor ciri-ciri pensyarah faktor kualiti sistem, faktor maklumat dan faktor sokongan teknikal adalah faktor-faktor yang mempengaruhi penerimaan e-pembelajaran dalam kalangan pelajar. Dapatan kajian menunjukkan bahawa penerimaan pelajar terhadap e-pembelajaran dipengaruhi oleh manfaat dan mudah guna yang diperoleh daripada e-pembelajaran serta penjimatan masa dan kandungan kursus yang mudah dan bersesuaian dengan tugas.

Kata kunci: e-pembelajaran, *Technology Acceptance Model*, penerimaan teknologi, tanggapan kebergunaan

Abstract

This study aimed to identify the level of acceptance and the factors that influence the acceptance of e-learning among students at an institute of teacher education in Sarawak. The factors that are involved in the study include perceived usefulness, perceived ease of use, lecturers characteristic, information quality, system quality and technical support. The selected factors have been tested in previous studies which found that

there is a relationship with the technology acceptance among users. A total of 230 students, selected from final year and year 3 specializing in various field such as Chinese language, English language, Malay Language, Science, Special Education and Counseling Education who have used e-learning participated in this study. Instrument used are made up of a set of questionnaire, contains 49 items using Likert scale. The findings are analyzed using descriptive statistics which includes frequency, mean and standard deviation. The results showed that perceived usefulness, perceived ease of use, lecturers' characteristics, system quality, information quality and technical support are factors influencing e-Learning acceptance among students. The findings show that the level of acceptance of e-learning is influenced by the benefits and ease of use which students obtain from e-Learning as well as saving time and course content.

Key words: e-Learning, Technology Acceptance Model, technology acceptance, perceived usefulness

PENGENALAN

Pada masa ledakan teknologi terkini, memperlihatkan penggunaan e-pembelajaran dalam pengajaran dan pembelajaran sangat penting. Sebagai sebuah institut yang melatih bakal guru, institut pendidikan guru (IPG) juga tidak ketinggalan dalam penggunaan e-pembelajaran bagi tujuan menyampai, menghantar dan membantu perkongsian maklumat dengan lebih berkesan. Pelajar boleh berhubung melalui Internet seperti 'chatting', 'instant messaging', perbincangan atas talian, e-mail, SMS, MMS dan sebagainya. Namun, kemunculan aplikasi web 2.0 seperti *facebook*, *twitter*, *blog*, *instagram*, *WhatsApp* dan *WeChat* telah menjadi pesaing kepada Sistem Pengurusan Pembelajaran (SPP) yang disediakan oleh institut berkenaan. Fitur-fitur dan fungsi yang disediakan oleh web 2.0 telah menarik minat pelajar serta memberi satu peluang baharu dalam kalangan pelajar untuk menggunakannya dengan aktif.

E-pembelajaran yang dibangunkan oleh pihak institut adalah berdasarkan kepada perisian Moodle yang dinamakan *Online Learning (OLL)*. *Online learning* atau pembelajaran atas talian merupakan satu pendekatan yang diguna secara meluas sebagai sistem maklumat dan sistem pangkalan data untuk mengurus, menyampaikan isi kandungan, berinteraksi atau pemudahcaraan serta mengendalikan aktiviti pengajaran dan pembelajaran.

Biasanya e-pembelajaran lebih popular diaplikasikan di universiti-universiti atau kolej yang menawarkan kursus-kursus dalam bentuk atas talian dan pembelajaran secara jarak jauh. Kini, IPG juga tidak ketinggalan dalam memperkenalkan pembelajaran atas talian kepada pelajar-pelajar, baik sepenuh masa mahupun separuh masa. Pelaksanaan e-pembelajaran telah mula sejak tahun 2003. Tujuan pengintegrasian pendekatan e-pembelajaran adalah agar pelajar boleh berinteraksi dengan pensyarah dan rakan-rakan mengikut kesesuaian masa mereka. Selain itu, pelajar boleh mengakses bahan atau sumber di mana-mana dan pada bila-bila masa. Dengan ini, e-pembelajaran menggalakkan proses pembelajaran sendiri

Agatha F. Umbit & Muhamad Suhaimi Taat/ Faktor-faktor yang mempengaruhi penerimaan e-pembelajaran dalam kalangan pelajar di institut

dalam kalangan pelajar tanpa bergantung kepada pensyarah serta membina komunikasi dua hala antara pelajar dengan pensyarah dan pelajar dengan rakan.

Namun begitu, pelajar-pelajar tidak dapat mengelak daripada menghadapi masalah dan halangan semasa mengguna e-pembelajaran. Kajian Muhammad Sukri Saud, Mohd Anuar Abdul Rahman, dan Ting (2007), menyatakan bahawa penerimaan e-pembelajaran dipengaruhi oleh halangan ciri-ciri e-pembelajaran yang kurang menarik, kurang mesra dan kurang interaktif menyebabkan pelajar lebih selesa berhubung dengan pensyarah dan rakan melalui *facebook*, *whatsapp*, *wechat* dan emel. Kajian Ab. Hamid Ali, Fadzli Adam, dan Wong, Wan Solihin Abdullah (2014) menunjukkan bahawa tanggapan kebergunaan tidak mempengaruhi penerimaan pelajar terhadap blog dan berada pada tahap sederhana. Kajian ini disokong oleh Kusuma (2008) yang menjelaskan bahawa faktor kebergunaan dan mudah guna tidak mempengaruhi penerimaan e-pembelajaran. Dapatan para penyelidik ini tidak konsisten. Sehubungan itu, kajian ini berhasrat untuk mengisi jurang perbezaan kajian lepas dalam konteks Sarawak. Tambahan pula, kajian ini belum banyak dijalankan di Sarawak.

Memandangkan sistem e-pembelajaran mula giat digunakan sejak kebelakangan ini di salah sebuah IPG di Sarawak, jadi adalah sangat penting mengetahui penerimaan pelajar terhadap penggunaan e-pembelajaran yang disediakan oleh institut. Walaupun, masalah yang dihadapi merupakan rintangan yang boleh membawa kesan yang negatif kepada pelajar dalam menggunakan e-pembelajaran, namun ia boleh ditambah baik dan di atasi dengan kerjasama pelbagai pihak. Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti faktor-faktor yang mempengaruhi penerimaan pelajar yang menggunakan e-pembelajaran di institut. Kajian ini juga berhasrat untuk mengkaji tahap penerimaan pelajar terhadap e-pembelajaran di peringkat institut pendidikan guru.

Objektif Kajian

Objektif-objektif kajian yang disarankan dalam kajian ini adalah untuk:

- meninjau tahap penerimaan pelajar terhadap e-pembelajaran yang mengambil kursus ijazah Sarjana Muda Perguruan, dan
- mengkaji faktor-faktor yang mempengaruhi penerimaan pelajar yang menggunakan e-pembelajaran di institut.

SOROTAN KAJIAN

Penerimaan teknologi telah banyak dibincangkan oleh para penyelidik dengan menggabungkan pelbagai teori dan model (Sharma & Chandel, 2013) tetapi dalam keadaan, budaya dan persekitaran yang berbeza. Teori dan model yang biasa digunakan adalah seperti *Technology Acceptance Model (TAM)*, *Unified Theory of Acceptance and Use of Technology (UTAUT)*, *Extension of TAM*, *Innovation Diffusion Theory (IDT)*, *Theory Reasoned Action (TRA)* dan *Theory of Planned Behavior (TPB)*. Teori dan model ini mempunyai pemikiran, kepercayaan dan manfaat yang berbeza-beza kepada para penyelidik. Teori dan model masih popular dan relevan digunakan dalam kajian.

Dalam kajian ini, enam faktor diadaptasi daripada teori, model dan kajian lepas yang berkaitan dengan penerimaan e-pembelajaran. Dua faktor iaitu tanggapan

Agatha F. Umbit & Muhamad Suhaimi Taat/ Faktor-faktor yang mempengaruhi penerimaan e-pembelajaran dalam kalangan pelajar di institut

kebergunaan dan tanggapan mudah guna diadaptasi daripada TAM (Davis, 1989), manakala kualiti sistem dan kualiti maklumat diadaptasi daripada Model Kejayaan Sistem Maklumat (DeLone & McLean, 2003) dan faktor ciri-ciri pensyarah dan sokongan teknikal diadaptasi daripada kajian lepas seperti Waheed dan Hussain (2010), Malik (2009), Sun, Tsai, Finger, Chen, dan Yeh (2008) dan Selim (2007).

Menurut Davis (1989), tanggapan kebergunaan dan tanggapan mudah guna boleh mempengaruhi keinginan pengguna untuk mengguna teknologi e-pembelajaran dan kemudian akan mempengaruhi penggunaan sistem tersebut. Tanggapan kebergunaan (TK) merujuk kepada sejauh mana seseorang percaya bahawa penggunaan sistem tertentu akan meningkatkan prestasi kerjanya, dan Tanggapan mudah guna (TMG) pula merujuk kepada sejauh mana seseorang percaya bahawa sistem itu dapat digunakan dengan mudah dan bebas atau sebaliknya (Davis). Tanggapan mudah guna juga mempengaruhi tanggapan kebergunaan yang bermaksud jika seseorang berfikir bahawa sistem tersebut mudah digunakan maka sistem tersebut berguna baginya. Bagi memastikan tanggapan kebergunaan dan mudah guna memenuhi keinginan pengguna, maka kualiti sistem dan kualiti maklumat perlu diberi perhatian.

Mengikut model *IS Success*, kualiti sistem merujuk kepada pengukuran kejayaan teknikal dan kualiti maklumat pula mengukur kejayaan semantik (DeLone & McLean, 2003). Kedua-dua faktor ini dijangka menggalakkan penggunaan sistem serta mempengaruhi penerimaan pengguna terhadap sistem dan akhirnya memberi kepuasan kepada pengguna dan organisasi. Bagi menjayakan keberkesanan sistem, sokongan teknikal daripada pihak pentadbiran amat penting. Kegagalan dalam memberi sokongan akan mengecewakan pengguna dan seterusnya memberi penerimaan negatif terhadap teknologi. Selain itu, pensyarah atau tenaga pengajar memainkan peranan penting dalam menggalakkan pelajar untuk mengguna sistem e-pembelajaran. Waheed dan Hussain (2010) mengatakan bahawa faktor ciri-ciri pensyarah boleh menyumbang terhadap penerimaan e-pembelajaran dan memberi kepuasan kepada pelajar. Tambahan mereka, kejayaan pelaksanaan sistem e-pembelajaran bergantung kepada sikap pensyarah terhadap e-pembelajaran. Bukan hanya sikap terhadap sistem, malahan peranan pensyarah dalam pengendalian e-pembelajaran, penyebaran maklumat, gaya pengajaran, penyediaan maklumat dan kandungan yang relevan dan berkualiti memberi kepuasan serta mempengaruhi penerimaan e-pembelajaran dalam kalangan pelajar. Sun et al. (2008), pula menjelaskan bahawa sikap pensyarah terhadap e-pembelajaran boleh mempengaruhi penerimaan e-pembelajaran dalam kalangan pelajar.

Reka Bentuk Kajian

Kaedah yang digunakan dalam kajian ini ialah kaedah tinjauan berbentuk deskriptif dengan menggunakan soal selidik sebagai instrumen kajian bagi memberi gambaran tentang penerimaan e-pembelajaran dalam kalangan pelajar. Menurut Yahya Don (2006), kajian tinjauan deskriptif boleh mengumpulkan pelbagai maklumat dan mengukur pembolehubah-pembolehubah yang berkaitan dengan suatu fenomena. Kaedah soal selidik pula mudah untuk mendapat maklumat-maklumat yang tepat yang diperlukan berdasarkan item soalan kajian. Kaedah ini juga hanya memerlukan responden sendiri menanda jawapan di atas kertas (Jas Laile, 2008). Justeru, kaedah soal selidik ini mudah, murah, cepat dan jimat masa.

Sampel Kajian

Sampel kajian terdiri daripada pelajar-pelajar tahun 4 dan tahun 3 yang telah menggunakan e-pembelajaran dan mengikuti pelbagai bidang di sebuah IPG di Sarawak. Dalam kajian ini, persampelan yang digunakan ialah persampelan rawak berlapis (*stratified random sampling*) kerana saiz populasi yang tidak seragam dan seterusnya menggunakan persampelan rawak mudah. Berdasarkan jadual Krejcie dan Morgan (1970), nilai minimum bagi populasi 380 orang adalah 191 orang. Bilangan ini dianggap memadai dalam kajian ini berdasarkan Chua (2006) yang menyatakan bahawa peratus (%) minimum bagi sampel sesuatu kajian adalah 30% sahaja dari populasi kajian. Kajian ini melibatkan seramai 230 orang responden yang dipilih secara rawak bagi setiap kumpulan tahun 3 dan tahun 4.

Instrumen Kajian

Dalam kajian ini, satu set soal selidik yang mengandungi tujuh (7) bahagian telah disediakan, iaitu Bahagian A: Latar belakang pelajar; Bahagian B: Tanggapan Kebergunaan; Bahagian C: Tanggapan mudah guna; Bahagian D: Ciri-ciri pensyarah; Bahagian E: Kualiti sistem; Bahagian F: Sokongan teknikal dan Bahagian G: Kualiti maklumat. Soal selidik diadaptasi dan diubahsuai daripada para penyelidik seperti Waheed dan Hussain (2010), Ab Hamid et al. (2014), Song (2010), Sun et al. (2008), Selim (2007), DeLone dan McLean (2003 dan 1992), Davis, Bagozzi dan Warshaw (1993) dan Davis (1989). Soal selidik ini menggunakan pengukuran Skala Likert 5 iaitu Sangat Tidak Setuju, Tidak Setuju, Kurang Pasti, Setuju dan Sangat Setuju untuk melihat faktor-faktor mempengaruhi penerimaan e-pembelajaran dalam kalangan pelajar. Namun, item-item ini perlu diukur dari segi kesahan dan kebolehpercayaan sebelum menggunakannya. Sebanyak 230 borang telah diedarkan dan dikembalikan untuk dianalisis.

Kajian Rintis

Kajian rintis dijalankan secara rawak ke atas 30 orang pelajar tahun 3. Pelajar ini juga telah menggunakan e-pembelajaran di institut dan tidak terlibat dengan kajian sebenar. Data bagi kajian ini dianalisis dengan menggunakan analisis kebolehpercayaan *Cronbach Alpha* dengan perisian SPSS versi 20.0. Nilai *Cronbach Alpha* yang diperolehi ialah .90 Nilai kebolehpercayaan ini menunjukkan soal selidik tersebut adalah bagus dan boleh digunakan untuk kajian ini. Ini adalah kerana instrumen yang mempunyai nilai pekali yang lebih daripada 8 dianggap mempunyai nilai kebolehpercayaan yang tinggi (Cohen, Manion & Morrison, 2007).

Analisis Data

Data-data yang diperolehi daripada borang soal selidik akan dianalisis dengan menggunakan perisian SPSS versi 20.0 (*Statistical Package for Social Sciences version 20.0*). Item-item di Bahagian A akan dianalisis berdasarkan kekerapan dan peratusan. Sementara item-item dalam Bahagian B hingga G, data dianalisis berdasarkan statistik deskriptif peratus, min dan sisihan piawai.

DAPATAN KAJIAN

Sebanyak 32% dari sampel kajian adalah lelaki dan selebihnya adalah perempuan. Sebanyak 30% dari sampel adalah berumur antara 20 hingga 21, 56% berumur antara 22 hingga 23 dan 14% sampel berumur antara 24 hingga 25. Data juga menunjukkan bahawa 30% sampel adalah pelajar yang mengikut bidang

Bahasa Inggeris, 37% adalah pelajar yang mengikut Pengajian Bahasa Cina, 21% adalah pelajar yang mengikut bidang Pendidikan Khas dan Masalah Pembelajaran, 5% pelajar yang mengikut bidang Prasekolah dan selebihnya adalah pelajar yang mengikut bidang Bahasa Malaysia.

Tahap penerimaan pelajar terhadap e-pembelajaran

Dapatan kajian seperti yang dibentang dalam Jadual 1, menunjukkan bahawa secara keseluruhan telah memperlihatkan tahap penerimaan yang tinggi dari responden terhadap e-pembelajaran. Faktor tanggapan kebergunaan dan tanggapan mudah guna masing-masing mencatat nilai min 4.00 dan diikuti faktor ciri-ciri pensyarah mencatat nilai min 3.98, manakala faktor kualiti sistem pula mencatat min 3.97 dan faktor kualiti maklumat 3.87. faktor sokongan teknikal mencatat nilai min yang paling rendah iaitu sebanyak 3.64. Ini menunjukkan tahap penerimaan e-pembelajaran dalam kalangan pelajar dipengaruhi oleh tanggapan kebergunaan, tanggapan mudah, ciri-ciri pensyarah, kualiti sistem, kualiti maklumat dan sokongan teknikal.

Jadual 1

Statistik Deskriptif Penerimaan Pelajar (N=230)

Faktor	Min	Sisihan Piawai
Tanggapan Kebergunaan	4.00	0.57
Tanggapan mudah guna	4.00	0.54
Ciri-ciri pensyarah	3.98	0.60
Kualiti sistem	3.97	0.58
Sokongan Teknikal	3.64	0.84
Kualiti Maklumat	3.87	0.60

Faktor-faktor yang Mempengaruhi Penerimaan e-Pembelajaran

Terdapat enam faktor penerimaan e-pembelajaran yang dikaji dalam kajian ini. Faktor-faktor tersebut merangkumi faktor tanggapan kebergunaan, faktor mudah guna, faktor ciri pensyarah, faktor kualiti sistem, faktor kualiti maklumat dan faktor sokongan teknikal.

Faktor Tanggapan Kebergunaan

Berkaitan dengan faktor tanggapan kebergunaan yang mempengaruhi penerimaan responden, hasil kajian mencatatkan min keseluruhan pada tahap tinggi 4.00 dan sisihan piawai 0.70 seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 2. Semua item mendapat nilai min pada tahap tinggi kecuali tiga item yang mendapat nilai min pada tahap sederhana iaitu Item 1, E-pembelajaran meningkatkan prestasi pembelajaran ($M = 3.98$), manakala Item 8 dan Item 10 mencatatkan min yang sama iaitu 3.92. Ini bermakna responden e-pembelajaran hanya menyokong aspek yang kritikal dalam pembelajaran sahaja. Selain itu, responden bersetuju bahawa mengambil kursus atas talian meningkatkan produktiviti mereka. Tujuh item menunjukkan nilai min yang berada pada tahap tinggi iaitu melebihi 4.0 iaitu Item 2, 3, 4, 5, 6, 7 dan 9. Ini menunjukkan bahawa faktor tanggapan kebergunaan memberi kesan positif terhadap penerimaan dan penggunaan e-pembelajaran dalam kalangan responden. Responden percaya bahawa e-pembelajaran dapat meningkatkan kefahaman, keberkesanan pembelajaran serta sangat berguna dan mudah semasa digunakan.

Jadual 2

Min dan Sisihan Piawai bagi Faktor Tanggapan Kebergunaan (N=230)

No. Item	Item	Min	Sisihan Piawai
1	E-pembelajaran meningkatkan prestasi pembelajaran saya	3.98	0.69
2	E-pembelajaran meningkatkan tahap kefahaman saya	4.03	0.65
3	E-pembelajaran meningkatkan keberkesanan pembelajaran saya	4.00	0.68
4	Saya mendapati sistem e-pembelajaran sangat berguna untuk saya	4.01	0.70
5	Melalui e-pembelajaran, isi kandungan kursus lebih mudah untuk dipelajari	4.03	0.70
6	E-pembelajaran meningkatkan kualiti tugas saya	4.08	0.68
7	E-pembelajaran membolehkan lebih banyak tugas dapat disiapkan dalam satu masa	4.04	0.74
8	E-pembelajaran menyokong sebarang aspek yang dianggap kritikal dalam pembelajaran	3.92	0.72
9	E-pembelajaran membolehkan kerja disiapkan lebih cepat	4.02	0.72
10	Mengambil kursus-kursus atas talian meningkatkan produktiviti saya	3.92	0.74
Min Keseluruhan		4.00	0.70

Faktor Tanggapan Mudah Guna

Faktor kedua yang dikaji dalam mempengaruhi penerimaan e-pembelajaran adalah faktor tanggapan mudah guna. Jadual 3 menunjukkan analisis data faktor tanggapan mudah guna dalam penerimaan e-pembelajaran. Terdapat sepuluh item yang diperuntukkan untuk menguji faktor tanggapan mudah guna dalam penerimaan e-pembelajaran dalam kalangan pelajar.

Jadual 3

Min dan Sisihan Piawai bagi Faktor Tanggapan Mudah Guna (N=230)

No. Item	Item	Min	Sisihan Piawai
11	E-pembelajaran akan menjimatkan masa untuk mendapatkan bahan rujukan	4.13	0.69
12	Saya merasa selesa menggunakan e-pembelajaran	4.03	0.70
13	Saya mendapati sistem e-pembelajaran mudah digunakan	4.00	0.72
14	E-pembelajaran amat berguna bagi saya	4.06	0.69
15	E-pembelajaran menyediakan maklumat yang tepat	3.88	0.72
16	E-pembelajaran menyediakan maklumat yang baik	3.97	0.70
17	E-pembelajaran menyediakan maklumat tepat pada masa	3.90	0.69
18	E-pembelajaran menyediakan maklumat yang berkaitan	4.05	0.64
19	E-pembelajaran menyediakan maklumat yang mudah difahami	4.06	0.63
20	E-pembelajaran menyediakan maklumat yang terperinci	3.95	0.66
Min Keseluruhan		4.00	0.68

Dapatan kajian menunjukkan faktor tanggapan mudah guna mempengaruhi penerimaan e-pembelajaran secara keseluruhannya mencatatkan nilai min 4.00 dan sisihan piawai 0.68. Empat item menunjukkan min pada berada tahap sederhana iaitu Item 15, E-pembelajaran menyediakan maklumat yang tepat ($M =$

3.88), Item 16, E-pembelajaran menyediakan maklumat yang baik ($M = 3.97$), Item 17 E-pembelajaran menyediakan maklumat tepat pada masa (3.90) dan Item 20 E-pembelajaran menyediakan maklumat yang terperinci ($M = 3.95$). Ini bermakna responden bersetuju bahawa e-pembelajaran yang dapat menyediakan maklumat yang tepat, baik, terperinci dan tepat pada masa yang diperlukan mempengaruhi penerimaan e-pembelajaran.

Faktor Ciri-ciri Pensyarah

Faktor ketiga pula adalah tentang faktor ciri-ciri pensyarah dalam mempengaruhi penerimaan e-pembelajaran. Dapatan kajian menunjukkan bahawa ciri-ciri pensyarah mempengaruhi penerimaan responden terhadap e-pembelajaran dengan mencatatkan min keseluruhan pada tahap sederhana iaitu 3.98 dan sisihan piawai 0.77 seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 4. Terdapat dua item yang mencatat nilai min tertinggi iaitu Item 27. Pensyarah menggalakkan pelajar untuk mengambil bahagian dalam kelas dan Item 23 Tutor mesra terhadap setiap pelajar. Kedua-dua item masing-masing mencatat nilai min sebanyak 4.13 dan 4.08. Sementara Item 29, Tutor aktif mengajar subjek melalui e-pembelajaran mencatatkan skor min yang paling rendah iaitu 3.89 dan diikuti oleh Item 25, Tutor menerangkan bagaimana untuk menggunakan sistem e-pembelajaran. Jadual 6 juga menunjukkan tiga item menunjukkan skor min yang melebihi 4.00 dan enam item pula mencatatkan min yang melebihi 3.00. Ini menunjukkan faktor ciri-ciri pensyarah berpengaruh terhadap penerimaan e-pembelajaran dalam kalangan responden.

Jadual 4

Min dan Sisihan Piawai bagi Faktor Ciri-ciri Pensyarah (N=230)

No. Item	Item	Min	Sisihan Piawai
21	Tutor bersemangat untuk mengajar kelas	3.96	0.78
22	Gaya penyampaian tutor menarik perhatian saya	3.92	0.80
23	Tutor mesra terhadap setiap pelajar	4.08	0.73
24	Tutor mengendalikan e-pembelajaran dengan berkesan	3.97	0.77
25	Tutor menerangkan bagaimana untuk menggunakan sistem e-pembelajaran	3.91	0.80
26	Tutor berasa gembira apabila kami menggunakan e-pembelajaran untuk berinteraksi	3.95	0.79
27	Kita digalakkan untuk mengambil bahagian dalam kelas	4.13	0.70
28	Tutor menggalak dan mendorong saya untuk menggunakan e-pembelajaran	4.03	0.75
29	Tutor aktif mengajar subjek melalui e-pembelajaran	3.89	0.79
Min Keseluruhan		3.98	0.77

Faktor Kualiti Sistem

Faktor seterusnya yang dikaji adalah faktor kualiti sistem dalam penerimaan e-pembelajaran. Jadual 5 menunjukkan analisis data faktor kualiti sistem dalam penerimaan e-pembelajaran. Terdapat lapan item yang diperuntukkan untuk menguji faktor kualiti sistem dalam penerimaan e-pembelajaran dalam kalangan pelajar.

Jadual 5

Min dan Sishan Piawai bagi Faktor Kualiti Sistem (N=230)

No. Item	Item	Min	Sisihan Piawai
30	Menggunakan e-pembelajaran membolehkan saya untuk memilih tajuk-tajuk untuk belajar dalam turutan keutamaan saya	3.99	0.76
31	e-pembelajaran membolehkan saya untuk belajar pada kadar yang saya	3.93	0.72
32	e-pembelajaran memberikan saya fleksibiliti untuk belajar topik bila-bila masa, di mana-mana tempat	4.02	0.72
33	e-pembelajaran membolehkan saya untuk mempelajari pelajaran dalam bentuk yang disesuaikan gaya pembelajaran saya	3.96	0.74
34	e-pembelajaran membolehkan saya mendapatkan maklumat sumber-sumber dalam bentuk talian (contohnya, Wikipedia, Internet, enjin pencarian)	4.22	0.66
35	Menggunakan e-pembelajaran membolehkan saya berinteraksi dengan kawan-kawan dan kerja bersama-sama pada tugasan.	4.05	0.73
36	Menggunakan kursus-kursus atas talian sesuai dengan gaya hidup saya	3.96	0.74
37	Lebih banyak belajar dalam kursus atas talian daripada kursus secara bersemuka (face-to-face)	3.60	1.00
Min Keseluruhan		3.97	0.76

Faktor kualiti sistem dalam penerimaan e-pembelajaran secara keseluruhannya mencatatkan nilai min 3.97 dan sisihan piawai 0.76. Ini menunjukkan faktor kualiti sistem mempengaruhi penerimaan e-pembelajaran pada tahap sederhana. Dapatan kajian mendapati bahawa lima item berada pada tahap sederhana iaitu skor min melebihi 3.00, iaitu Item 30, 31, 33, 36 dan 37. Sementara tiga item berada pada tahap tinggi dengan mencatatkan nilai min melebihi 4.00 iaitu Item 32, 34 dan 35 seperti dalam Jadual 5. Ini menunjukkan bahawa aspek-aspek kualiti sistem seperti fleksibiliti, pencarian maklumat atas talian dan menggalakkan pelajar berinteraksi boleh mempengaruhi penerimaan responden terhadap sistem e-pembelajaran. Item 37, iaitu lebih banyak belajar dalam kursus atas talian berbanding kursus secara bersemuka, mencatatkan skor min yang paling rendah iaitu 3.60. Ini menunjukkan bahawa responden lebih menggemari pendekatan bersemuka bagi membantu proses pembelajaran mereka.

Faktor Sokongan Teknikal

Seterusnya, dapatan kajian menunjukkan bahawa faktor sokongan teknikal amat mempengaruhi penerimaan responden terhadap e-pembelajaran dengan nilai min yang rendah iaitu 3.64 seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 6. Semua item mencatatkan skor min melebihi 3. Item mengakses laman e-pembelajaran institut dengan menggunakan internet yang disediakan dan institut memberi semua kemudahan perlukan untuk e-pembelajaran mencatatkan min yang paling rendah iaitu 3.47 dan 3.56 masing-masing. Responden setuju bahawa penyediaan alat e-pembelajaran dan peluang untuk menggunakan e-pembelajaran boleh mempengaruhi penerimaan responden terhadap e-pembelajaran dengan mencatatkan skor min 3.77 dan 3.76 masing-masing.

Jadual 6

Min dan Sisihan Piawai bagi Faktor Sokongan Teknikal (N=230)

No. item	Item	Min	Sisihan Piawai
38	Institut memberi semua kemudahan yang saya perlukan untuk e-pembelajaran	3.56	1.03
39	Saya dapat mengakses laman e-pembelajaran institut dengan menggunakan internet yang disediakan	3.47	1.12
40	Institut memberi saya peluang untuk menggunakan e-pembelajaran	3.76	0.91
41	Institut menyediakan latihan bagi saya untuk menggunakan alat e-pembelajaran (<i>learning tools</i>).	3.77	0.90
42	Terdapat bantuan teknikal jika diperlukan semasa menggunakan e-pembelajaran	3.64	0.95
Min Keseluruhan		3.64	0.98

Faktor Kualiti Maklumat

Faktor terakhir yang dikaji adalah faktor kualiti maklumat dalam penerimaan e-pembelajaran. Jadual 7 menunjukkan analisis data faktor kualiti maklumat dalam penerimaan e-pembelajaran. Terdapat tujuh item yang diperuntukkan untuk menguji faktor kualiti maklumat dalam penerimaan e-pembelajaran dalam kalangan pelajar.

Jadual 7

Min dan Sisihan Piawai bag Faktor Kualiti Maklumat (N=230)

No. Item	Item	Min	Sisihan Piawai
43	Kandungan kursus yang disediakan adalah mencukupi	3.83	0.78
44	Kandungan kursus berkaitan dengan subjek	3.89	0.74
45	Struktur komponen e-pembelajaran mudah untuk difahami	3.91	0.75
46	Mencari maklumat melalui laman sesawang kursus adalah mudah	4.00	0.69
47	Komponen e-pembelajaran sentiasa wujud sepanjang masa	3.96	0.72
48	Bahan kursus yang dimuatkan atas talian mengikut masa yang ditetapkan	3.82	0.77
49	Suka kursus-kursus atas talian daripada kursus secara bersemuka	3.65	0.92
Min Keseluruhan		3.87	0.77

Faktor kualiti maklumat dalam penerimaan e-pembelajaran secara keseluruhannya mencatatkan nilai min 3.87 dan sisihan paiwai 0.77. Ini menunjukkan faktor kualiti maklumat dalam penerimaan e-pembelajaran berada pada tahap sederhana. Semua item mendapat skor min pada tahap sederhana kecuali satu item yang mendapat skor min pada tahap tinggi iaitu Item 46, Mencari maklumat melalui laman sesawang kursus adalah mudah (M = 4.00). Ini menunjukkan responden bersetuju bahawa pencarian maklumat melalui laman sesawang adalah mudah. Item 49, Suka kursus-kursus atas talian daripada kursus secara bersemuka mencatatkan min yang paling rendah iaitu 3.65, diikuti Item 48, Bahan kursus yang dimuatkan atas talian mengikut masa yang ditetapkan dan Item

43, Kandungan kursus yang disediakan adalah mencukupi mencatatkan min 3.82 dan 3.83 masing-masing.

PERBINCANGAN

Daripada hasil analisis kajian, didapati min keseluruhan bagi faktor tanggapan kebergunaan dan tanggapan mudah guna masing-masing mempengaruhi penerimaan e-pembelajaran adalah 4.00. Ini menunjukkan bahawa pelajar mempunyai sikap positif dan percaya bahawa e-pembelajaran memberi faedah dalam penggunaan sistem itu. Dapatan kajian ini selaras dengan kajian Davis et al. (1989) dan Davis (1989) yang menjelaskan faktor tanggapan kebergunaan dan tanggapan mudah guna dalam teori TAM memberi kesan positif terhadap penggunaan teknologi e-pembelajaran. Pernyataan ini disokong oleh Ahmad Althunibat et al. (2012) yang menyatakan tanggapan kebergunaan dan tanggapan mudah guna mempengaruhi penerimaan pengguna terhadap produk dan perkhidmatan berbantuan teknologi. Menurut Ahmad Althunibat et al. (2012), produk dan perkhidmatan yang memberi faedah dan mudah untuk menggunakannya akan memberi kesan kepada penerimaan pengguna terhadap perkhidmatan yang disediakan oleh agensi. Berbeza pula dengan kajian dijalankan oleh Ab Hamid et al (2014), dan Kusuma (2008) yang menjelaskan bahawa faktor tanggapan kebergunaan tidak memberi kesan terhadap penerimaan e-pembelajaran dalam kalangan pengguna. Ini menunjukkan bahawa dapatan kajian ini dengan kajian lepas adalah berbeza dan tidak konsisten. Perbezaan dapatan kajian boleh dipengaruhi oleh faktor-faktor yang lain.

Faktor ciri pensyarah mencatatkan keseluruhan skor min 3.98. Ini menunjukkan peranan pensyarah dalam mempengaruhi penerimaan adalah positif. Dapatan kajian ini selaras dengan kajian Waheed dan Hussain (2010) dan Malik (2009) yang menyatakan bahawa pengguna perlu berinteraksi dengan tutor atau pengajar bagi menyelesaikan masalah tugas. Interaksi antara pelajar dengan pensyarah dan rakan membolehkan pelajar berhubung dengan pensyarah dan rakan apabila menghadapi masalah dalam tugas atau penerangan sesuatu konsep. Bimbingan dan dorongan daripada pensyarah boleh memberi motivasi kepada pelajar untuk menggunakan sistem e-pembelajaran dan secara tidak langsung dapat menerima sistem tersebut. Selain itu, penyampaian yang menarik, gaya pengajaran yang bersistematik serta interaksi yang mesra adalah antara faktor yang menggalakkan pelajar untuk menerima dan mendorong untuk terus menggunakan sistem e-pembelajaran. Kenyataan ini disokong oleh Sun et al. (2008), yang menyatakan bahawa sikap pengajar terhadap e-pembelajaran adalah penting kerana ia boleh memberi kesan positif kepada penerimaan pelajar terhadap e-pembelajaran.

Seterusnya faktor kualiti sistem mencatat nilai min 3.97 dan faktor kualiti maklumat mencatat nilai min 3.87. Kedua-dua faktor ini amat penting dan turut mempengaruhi penerimaan e-pembelajaran. Dapatan kajian ini disokong oleh Song (2010) dan Sun et al. (2008) yang menjelaskan bahawa pelajar yang menggunakan pendekatan e-pembelajaran mempunyai peluang untuk mengamalkan proses pembelajaran arah sendiri. Menurut Sun et al (2008), pelajar boleh menggunakan e-pembelajaran tanpa memerlukan ruang yang besar, masa dan lokasi yang bebas. Kebanyakan pelajar bersetuju bahawa fleksibiliti sistem e-pembelajaran dan sumber-sumber atas talian boleh memudahkan serta membantu mereka membuat

tugasan. Sistem yang fleksibel serta mempunyai kandungan yang mencukupi dan maklumat yang berkualiti akan memenuhi keperluan dan memberi kepuasan kepada pelajar. Namun, perlu diingatkan bahawa persekitaran pembelajaran harus mempunyai rangkaian bagi membolehkan pelajar mengakses bahan dan sumber dengan cepat dan pantas.

Oleh itu, sokongan teknikal memainkan peranan yang penting dalam penerimaan e-pembelajaran. Hasil kajian menunjukkan keseluruhan min adalah 3.64 dan yang paling rendah antara faktor-faktor yang lain. Dapatan ini selari dengan kajian yang dijalankan oleh Waheed dan Hussain (2010) dan Malik (2009) yang telah membuat kajian tentang peranan faktor e-pembelajaran. Ini bermakna sokongan teknikal yang disediakan oleh pihak pengurusan masih kurang memuaskan dalam penggunaan e-pembelajaran. Justeru, pihak Institut Pendidikan Guru berkenaan perlu menambahbaik sistem e-pembelajaran yang sedia ada agar dapat mendorong pelajar untuk terus menggunakan sistem tersebut. Sokongan teknikal boleh mengurangkan masalah luaran yang sering dihadapi oleh pelajar seperti capaian internet lambat, *signal* rendah, masalah daftar masuk dan sebagainya.

KESIMPULAN

Pendekatan e-pembelajaran amat penting sebagai satu kaedah dalam mempelbagaikan kaedah pengajaran dan pembelajaran dalam kalangan pensyarah dan pelajar. Dapatan kajian mendapati bahawa tahap penerimaan e-pembelajaran dalam kalangan pelajar adalah sederhana dan dipengaruhi oleh faktor-faktor seperti tanggapan kebergunaan dan tanggapan mudah guna. Kebergunaan dan mudah guna pelajar dipengaruhi oleh kualiti sistem yang disediakan oleh pihak institut berkenaan dan maklumat yang disediakan oleh pensyarah. Namun sokongan dari segi teknikal harus diambil oleh pihak institut berkenaan kerana masalah luaran seperti capaian internet lambat, *signal* rendah, masalah daftar masuk, laman sesawang e-pembelajaran yang kurang mesra pengguna dan kurang menarik membolehkan pelajar untuk tidak menggunakan e-pembelajaran. Kemudahan lain seperti perkhidmatan internet dan jalur lebar harus ditambah baik kerana internet merupakan teras kepada penggunaan dan penerimaan e-pembelajaran.

Hasil kajian ini memberi implikasi kepada pihak pengurusan, para pensyarah, penyelidik sendiri dan para pelajar. Kajian dapat menambah pengetahuan penyelidik dalam bidang e-pembelajaran terutamanya berkaitan dengan amalan penggunaan dan penerimaan e-pembelajaran. Dari pihak pelajar dan pensyarah pula sistem e-pembelajaran boleh membantu dan memudahkan pembelajaran dan pengajaran kerana e-pembelajaran boleh dilaksanakan di mana-mana dan pada bila-bila masa, asalkan tempat atau lokasi itu mempunyai persekitaran yang berangkaian. Kajian ini juga memberi gambaran jelas kepada pihak pentadbiran dan pengurusan serta pensyarah-pensyarah tentang isu-isu yang berkaitan e-pembelajaran agar langkah-langkah boleh diambil dengan sewajarnya. Selain itu, kajian ini menggalakkan para pensyarah untuk menggunakan e-pembelajaran dalam membantu melicinkan proses pengajaran mereka. Selain itu, kajian ini juga menambahkan lagi jumlah kajian dalam bidang e-pembelajaran dan menjadi sumber rujukan kepada para penyelidik untuk membuat kajian lanjutan.

Cadangan kepada kajian akan datang perlu memberi tumpuan kepada peningkatan dari segi kaedah kajian, pembolehubah tambahan dan responden dalam skop yang lebih luas supaya dapat menghasilkan kesimpulan kajian yang lebih baik. Kajian ini hanya menggunakan pelajar sebagai responden sahaja, maka cadangan untuk kajian akan datang adalah melibatkan para pensyarah agar maklumat dan pandangan lebih menyeluruh dan mantap. Dari segi kaedah kajian, dicadangkan pada masa akan datang, kajian dilakukan melalui dua pendekatan iaitu kuantitatif dan kualitatif (kaedah gabungan) supaya lebih mantap (Aini Hassan, 2007). Berdasarkan kajian yang dilakukan secara kuantitatif, responden tidak dapat memberikan maklumat yang begitu subjektif kerana responden dikawal oleh soal selidik yang berbentuk struktur (Aini Hassan, 2007). Selain itu, cadangan untuk masa depan, selain soal selidik yang bentuk bercetak, responden boleh menyalurkan maklumat atau menjawab soal selidik melalui kaedah atas talian kerana ia lebih mudah dianalisis (Wright, 2005).

Bagi pihak pengurusan, institut ini perlu mengambil langkah yang sewajarnya untuk melaksanakan sistem e-pembelajaran secara teliti dan kemas. Penilaian dan pemantauan penggunaan perlu dijalankan agar semua pelajar dan pensyarah menggunakan sistem e-pembelajaran yang sedia ada dengan lebih efektif dan berkesan. Peningkatan kualiti akses jalur lebar di semua persekitaran institut berkenaan harus ditangani dengan sewajarnya bagi memastikan pelajar mendapat akses yang baik bagi menggalakkan penggunaan sistem tersebut. Kualiti akses yang lemah akan mendorong pelajar untuk tidak meneruskan penggunaan sistem e-pembelajaran.

RUJUKAN

- Ab. Hamid Ali, Fadzli Adam, & Wong, Wan Solihin Abdullah. (2014). Penerimaan blog sebagai medium agama dalam kalangan pelajar IPTA di *Malaysia. Proceeding of the International Conference on Arabic Studies and Islamic Civilization iCasic 2014*, 4-5 March 2014, Kuala Lumpur, Malaysia.
- Ahmad Althunibat, Nor Azan Mat Zin, & Noraidah Sahari. (2012). Pemodelan faktor penerimaan perkhidmatn kerajaan mudah alih (M-Kerajaan). *Asia-Pacific Journal of Information Technology and Multimedia*, 1 (1). 21-37.
- Aini Hassan. (2007). Kualitatif atau kuantitatif?: Memahami andaian asas yang mendasari penyelidikan pendidikan. *Masalah Pendidikan*, 30 (1), 7-16.
- Al-Adwan, A., Al-Adwan, A., & Smedley, J. (2013). Exploring students acceptance of e-learning using Technology Acceptance Models in Jordanian universities. *International Journal of Education and Development using Information and Communication technology (IJEDICT)*, 9 (2), 4-18.
- Ali, A., Muhammad I. Ramay & Mudasar Shahzad. (2010). Key factors for determining student satisfaction in distance learning courses: A study of Allama Iqbal Open University (AIU) Islamabad, Pakistan. *Malaysian Journal of Distance Education*, 12 (2), 33-51.
- Aypay, A., Celik, H. C., Aypay, A., & Sever, M. (2012). Technology acceptance in education: a study of pre-service teachers in Turkey *TOJET: The Turkish Online Journal of Educational Technology*, 11 (4), 264-272.
- Ball, D., & Levy, Y. (2009). Emerging educational technology: Assessing the factors that influence instructors' acceptance in information systems and other classrooms. *Journal of Information Systems Education*, 19 (4), 431-443.

Agatha F. Umbit & Muhamad Suhaimi Taat/ Faktor-faktor yang mempengaruhi penerimaan e-pembelajaran dalam kalangan pelajar di institut

- Chua, Y. P. (2006). *Kaedah penyelidikan: Buku 1*. Kuala Lumpur: McGraw-Hill.
- Cohen, L., Manion, L. & Morrison, K. (2007). *Research methods in education* (6th ed.) New York: Routledge.
- Davis, F. D. (1989). Perceived usefulness, perceived ease of use, and user acceptance of information technology. *MIS Quarterly*, 13 (3), 318–339.
- Davis, F. D., Bagozzi, R. P., & Warshaw, P. R. (1989). User acceptance of computer technology: A comparison of two theoretical models. *Management Science*, 35 (8), 982-1003.
- Delone, W. H., & McLean. E. R. (2003). The Delone and McLean Model of information systems success: A Ten-Year update. *Journal of Management Information Systems*, 19, 9-30.
- Jas Laile Suzana Jaafar. (2008). *Pengenalan kepada psikologi kanak-kanak dan remaja*. Shah Alam: Arah Pendidikan.
- Krejcie, R. V., & Morgan, D. W. (1970). Determining sample size for research activities. *Educational and Psychological Measurement*, 30, 607-610.
- Kusuma, Hadri. (2008). Model Penerimaan Teknologi Informasi: Peran nilai-nilai personal, pidato. *Human-Computer Studies*, 64, 683-696.
- Lee, B. C., Yoon, J. O., & Lee, I. (2009). Learners' acceptance of e-learning in South Korea: Theories and results. *Computers and Education*, 53, 1320-1329.
- Malik, M. W. (2009). Student satisfaction towards e-learning: Influential role of key factors. *Proceedings 2nd CBRC, Lahore, Pakistan*.
- Mohamad Najib Abdul Ghafar (2003). *Penyelidikan Pendidikan*. Skudai: Penerbitan Universiti Teknologi Malaysia.
- Muhammad Sukri Saud, Mohd Anuar Abdul Rahman, & Ting, K. S. (2007). Kajian mengenai penggunaan e-pembelajaran (*e-learning*) di kalangan pelajar jurusan pendidikan teknikal dan Vokasional di institusi pengajian tinggi (IPTA) Negeri Johor. *1st International Malaysian Educational Technology Convention*, UTM Skudai, Johor.
- Selim, H. M. (2007). Critical success factors for e-learning acceptance: Confirmatory factor models. *Computers & Education*, 49, 396–413.
- Sharma, Sujeet Kumar & Chandel, Jyoti Kumar. (2013). Technology Acceptance Model for the use of learning through websites among students in Oman. *International Arab Journal of e-Technology*, 3 (1), 44-49.
- Song, S. M. (2010). *E-learning: Investigating students' acceptance of online learning in hospitality programs*. PhD Dissertation. Iowa State University.
- Sun, P. C., Tsai, R. J., Finger, G., Chen, Y. Y., & Yeh, D. (2008). What drives a successful e-Learning? An empirical investigation of the critical factors influencing learner satisfaction. *Computers and Education*, 50, 1183–1202.
- Waheed, M., & Hussain, M. F. (2010). Empirical study of e-learner contentment towards e-Learning: Influential role of key factors. *The 2010 MIT LINC Conference in Stratton Center on the MIT Campus*. Boston, 23 – 26 May.
- Wright, K. B. (2005). Researching internet-based populations: Advantages and disadvantages of online survey research, online questionnaire authoring software packages and web survey services. *Journal of Computer-Mediated Communication*, 10(3), doi:10.1111/j.1083-6101.2005.tb00259.x
- Yahya Don. (2006). *Psikologi sosial dalam pendidikan*. Kuala Lumpur: PTS Profesional Publishing.